

15/05/2000

Biro politik Cuepacs jamin pekerja dapat maklumat tepat

IPOH, Ahad - Cuepacs memberi jaminan akan terus membantu kerajaan memberi penjelasan kepada kakitangan sektor perkhidmatan awam berhubung pelbagai isu seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya, Siva Subramaniam, berkata Biro Politik Cuepacs akan menyusun strategi bagi memastikan kakitangan sektor awam mendapat maklumat yang betul mengenai pelbagai aspek dalam pentadbiran kerajaan.

"Cuepacs memuji pendirian Dr Mahathir terhadap kakitangan kerajaan yang perlu diberi penjelasan. Kenyataan itu dengan sendirinya membuktikan kerajaan prihatin terhadap kakitangan sektor perkhidmatan awam.

"Cuepacs juga bersetuju kakitangan kerajaan yang menjadi penentang diberi maklumat yang salah sehinggalah penerangan yang sebenarnya diberi," katanya dalam kenyataannya di sini, hari ini.

Siva berkata, Cuepacs yakin wakil rakyat dan ketua jabatan akan lebih berdamping dengan kesatuan sekerja bagi membolehkan gambaran jelas berhubung pimpinan kerajaan diberi.

"Selain itu, konsep rakan kongsi yang dipersetujui kerajaan dalam semua peringkat juga dapat dilaksanakan selepas ini, termasuk penubuhan majlis bersama di semua jabatan kerajaan," katanya.

(END)